



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN BERI FOKUS LIMA KLUSTER UTAMA MENUJU PEMBINAAN NEGARA BANGSA

PUTRAJAYA, 20 Januari 2026 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan memberi fokus kepada lima kluster utama menuju Pembinaan Negara Bangsa sepanjang tahun ini. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyampaikan ucapan amanat tahun baharu 2026, di Putrajaya, hari ini.

Beliau berkata, lima (5) kluster tersebut ialah **Tunas MADANI** yang bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berjiwa patriotik dan berperanan sebagai ejen perubahan sosial yang harmoni. Bagi mengangkat peranan institusi sosial di lapangan pula, KPN memperkenalkan **Komuniti MADANI** sebagai pemangkin kepada penyatupaduan di peringkat akar umbi dan kejiiran.

Selain itu, melalui kluster **Harmoni MADANI**, kerukunan antara pelbagai komuniti akan diperkukuh melalui pemupukan persefahaman bersama, manakala kluster **Rakyat MADANI** pula akan meraikan kepelbagaian seni, budaya dan perayaan pelbagai kaum di negara ini. Dalam usaha untuk mengekalkan akar sejarah negara, kluster **Warisan MADANI** akan memainkan peranan penting dalam memelihara promosi dan memartabatkan khazanah budaya serta identiti negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tema “**Bersama Membina Negara Bangsa**” telah dipilih bagi tahun ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang turut mengangkat pembinaan negara bangsa sebagai satu daripada tonggak utama pembangunan dan penyatupaduan rakyat dan negara.

Tambah beliau, tahun ini KPN akan terus melaksanakan beberapa **sesi libat urus, perbincangan meja bulat, sesi *townhall* serta penganjuran Persidangan Negara Bangsa** pada September 2026 bagi menghasilkan satu **Blueprint Negara Bangsa** untuk rujukan terutama kepada agensi kerajaan dalam membuat dasar dan inisiatif baharu.

Dalam ucapannya, beliau turut mengiktiraf peranan semua **pegawai perpaduan, kurator muzium, pegawai arkib serta pustakawan sebagai Jurutera Sosial Negara (*Social Architects*)** yang memainkan peranan penting dalam menyemarakkan semangat perpaduan, memelihara warisan dan memperkukuh usaha pembinaan negara bangsa.

Mengimbas kembali pencapaian tahun 2025, KPN telah berjaya melaksanakan **762 buah program perpaduan** meliputi program, kempen dan aktiviti berdasarkan empat (4) ikhtiar iaitu Ekosistem Perpaduan, Eksplorasi Rukun Negara, Harmoni MADANI dan Komuniti Sosio Budaya.

Majlis amanat pada hari ini turut diserikan pelancaran logo rasmi Negara Bangsa, lagu Faham, Hormat dan Terima serta pelantikan rakan media rasmi Negara Bangsa iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Kementerian Perpaduan Negara

20 Januari 2026

KPN.100-9/1/16 (2)